

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN : NO. 86

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sejauh manakah peningkatan kualiti pengajian tinggi di Universiti tempatan bagi program peringkat ijazah sarjana dan apakah impaknya terhadap graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) dibangunkan berdasarkan prestasi dan kemajuan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). PPPM (PT) menggariskan 10 Lonjakan bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Ianya turut menjelaskan kaedah menangani isu berkaitan prestasi utama berkaitan sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan lanskap pendidikan tinggi.

Lonjakan 8, Keunggulan Global dalam PPPM (PT) menyasarkan untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berhasrat menyediakan tempat kepada 250,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, peningkatan dan pengiktirafan kualiti

universiti-universiti tempatan membantu menaikkan nama Malaysia di peringkat global.

Laporan *QS Best Student Cities Survey 2013/14 & 2015/16* menunjukkan Kuala Lumpur merupakan “*1st Most Affordable City in the World for Students*”. Menurut sumber UNESCO, dalam *Education in Asia: Expenditure Out, Expenditure Up*, antara lima (5) sebab utama pelajar antarabangsa memilih untuk belajar di Malaysia adalah kerana kualiti hidup, kualiti (nilai untuk wang), kos, kemesraan budaya dan bahasa pengantar. Pelajar-pelajar antarabangsa tertarik dengan kualiti pengajian yang amat berkualiti di samping kos pengajian yang berpatutan serta kemesraan budaya masyarakat tempatan.

Terkini, Malaysia dan Jerman diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kalangan 26 negara dari segi dasar keterbukaan terhadap pendidikan tinggi antarabangsa oleh British Council melalui '*The Shape of Global Higher Education: National Policies Framework for International Engagement*'. Selain Malaysia dan Jerman, negara lain yang turut diiktiraf lima terbaik ialah Australia, United Kingdom dan China. Kajian oleh badan tersebut menunjukkan Malaysia mendapat markah sangat tinggi dalam tiga kategori iaitu keterbukaan, jaminan kualiti dan pengiktirafan serta akses dan kemampuan.

Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian pasca siswazah di Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta adalah seramai 30,457 orang. Jumlah keseluruhan pada setakat ini bagi kedua-dua bidang pengajian siswazah dan pasca siswazah adalah seramai 122,061 orang. Dengan *trend* yang sentiasa meningkat tahun demi tahun serta promosi yang rancak, KPT yakin objektif menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau ini dengan 250,000 pelajar antarabangsa pada tahun 2025 akan tercapai.